



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 FEBRUARY 2017

Kerjasama Pas: Dr. Mahathir beri tempoh sebulan

ALOR SETAR 11 Feb. - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi bayangan bersedia melepaskan kerjasama politik bersama Pas sekiranya tidak menerima kata putus daripada parti itu dalam tempoh sebulan.

Menurut bekas Perdana Menteri itu, pihaknya tidak berhasrat menunggu Pas lebih lama bagi membolehkan PPBM dapat menyertai pakatan pembangkang yang dianggotai PKR, DAP dan PAN.

"PPBM sedang bercakap dengan Pas (perbincangan kerjasama politik) tapi kita tidak boleh tunggu sampai bila-bila. Kita kena ada gabungan awal.

"Sebab itu, kita sedang berusaha untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin pakatan pembangkang supaya PPBM dapat sertai dalam gabungan empat buah parti ini. Kalau Pas tak mahu masuk, itu terpulanglah kepada Pas.

"Tapi kalau dia (Pas) nak masuk, kita kena tentukan cara dia nak masuk supaya tidak menjejaskan atau mengurangkan kita mendapatkan kemenangan. Kita beri 'time frame' dalam sebulan untuk (Pas) beri kata putus," katanya selepas Wacana PPBM-DAP: Dimensi Baru dan Masa Depan Kuasa Politik Melayu di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ceramahnya di Kuala Kedah, di sini semalam yang membayangkan tidak mungkin wujud kerjasama bersama Pas menjelang pilihan raya umum nanti.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir memberitahu, tiada perbincangan mengenai siapa yang akan mengetuai pakatan pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang dalam per-

um - 12/2/2017

Sebab itu, kita sedang berusaha untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin pakatan pembangkang supaya PPBM dapat sertai dalam gabungan empat buah parti ini. Kalau Pas tak mahu masuk, itu terpulanglah kepada Pas."

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Pengerusi PPBM

temuan selama 40 minit bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

"Itu terlalu awal untuk kita bincang (siapa yang bakal ketua pakatan pembangkang). Tapi kita bersetuju dengan satu perkara yang penting sekali iaitu menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak. Itu saya dan Anwar bersetuju penuh. Kalau ada apa-apa kelainan antara kita, itu masalah remeh... tidak begitu penting. Semalam, kita ada bincang mengenai Pas dan dia pun hairan sebab dia (Anwar) kenal Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

"Yang jadi masalah, Abdul Hadi tidak mahu jumpa langsung dengan Muhyiddin (Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin)... tak jumpa langsung, memang payah nak cakap," ujarnya.

Ketika ditanya mengenai dakwaan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Azmin Ali mengenai kedudukan seorang menteri kanan kerajaan yang meletak jawatan, Dr. Mahathir mengakui tidak mendapat sebarang maklumat mengenai perkara tersebut.